

Camphor/ Menthol/ Methyl salicylate/ Eucalyptus Oil (5% w/w / 3% w/w / 60% w/w / 7% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Embrocation Oil
2. Bagaimana Dyna Embrocation Oil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Embrocation Oil
4. Cara menggunakan Dyna Embrocation Oil
5. Semasa menggunakan Dyna Embrocation Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Embrocation Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dyna Embrocation Oil

Digunakan untuk melegakan kesakitan di bahagian bawah belakang setiap kaki, disebabkan oleh saraf yang terganggu atau rosak atau seliuh dan kesakitan lain yang berkaitan dengan sendi, tendon, ligamen, tulang, dan otot.

## Bagaimana Dyna Embrocation Oil berfungsi

Methyl salicylate dan menthol dikenali sebagai *counterirritant*. Ia berfungsi dengan menyebabkan kulit berasa sejuk dan kemudian hangat. Rasa ini pada kulit mengalihkan perhatian anda daripada rasa sakit / sakit di dalam otot, sendi, dan tendon anda.

Eucalyptus oil digunakan sebagai memberikan rasa hangat dan selesa pada kulit.

Camphor bertindak sebagai bahan yang memberi kesan kemerahan pada kulit dan melegakan sakit ringan.

## Sebelum menggunakan Dyna Embrocation Oil

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan Dyna Embrocation Oil pada bayi di bawah umur 2 tahun.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Dyna Embrocation Oil.

- *Sebelum mula menggunakan Dyna Embrocation Oil*

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitif pada isi kandungan penyediaan ubat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Dyna Embrocation Oil

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sapu dengan bebas apabila diperlukan, gosok dan urut dengan sempurna. Balutan dan bungkusan adalah tidak digalakkan.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan Dyna Embrocation Oil untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Rujuk doktor jika sakit berlanjutan selama lebih dari 10 hari.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Untuk mereka yang mengambil warfarin, penggunaan berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi mungkin meningkatkan peluang pendarahan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Dyna Embrocation Oil

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Embrocation Oil.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Embrocation Oil kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Perhatian perlu ditegaskan apabila kanak-kanak yang lebih tua dirawat. Jangan meletakkan mana-mana produk yang mengandungi camphor di dalam rongga hidung kanak-kanak. Penggunaan yang sedikit boleh menyebabkan pengsan. Elakkan dari terkena mata atau membran mukus.

## Kesan-kesan sampingan

Iritasi kulit. Pening, bunyi deringan di telinga, pekak, berpeluh, loya, muntah-muntah, sakit kepala dan kekeliruan mental mungkin berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Embrocation Oil

- *Penyimpanan*

Jauhi ubat daripada kanak-kanak. Lindungi daripada cahaya. Simpan di tempat kering di bawah 30°C. Pastikan bekas ditutup rapat. Untuk kegunaan luar sahaja.

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

# DYNA EMBROCATION OIL

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Camphor/ Menthol/ Methyl salicylate/ Eucalyptus Oil (5% w/w / 3% w/w / 60% w/w / 7% w/w)

---

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### **- Rupa dan warna produk**

Minyak berwarna oren dengan wangian semulajadi.

### **- Bahan-bahan kandungan**

#### **- Bahan aktif**

Camphor, Menthol, Methyl salicylate, Eucalyptus Oil.

#### **- Bahan-bahan tidak aktif**

Oil Soluble Lemon Yellow, Turpentine Oil, Lavender Oil, White Oil & Cinnamon Oil.

### **- Nombor MAL**

MAL19910637X

## **Pengilang & Pemegang Pendaftaran**

### **Produk**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

19/09/2018

## **Nombor siri:**

NPRA(R4/1)190918/00263